

20 DEC 1999

Mahathir-Belanjawan

BELANJAWAN 2000 DIBENTANG PADA 29 FEB, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 20 Dis (Bernama) -- Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin akan membentangkan Belanjawan 2000 di Dewan Rakyat pada 29 Feb, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Ketika bercakap pada persidangan berita di bangunan Parlimen di sini, Dr Mahathir berkata belanjawan itu kemudian akan dibahaskan sebelum diluluskan.

Belanjawan 2000 telah dibentangkan oleh Daim pada 29 Okt lepas tetapi tidak sempat diluluskan kerana Parlimen dibubarkan pada 11 Nov untuk membolehkan pilihan raya umum ke-10 diadakan.

Inilah kali pertama dalam sejarah Parlimen dibubarkan sebelum belanjawan negara diluluskan untuk sesuatu tahun berkenaan, yang memerlukan ia dibentangkan bagi kali kedua.

Ketika bercakap pada persidangan berita di bangunan Parlimen di sini, Dr Mahathir berkata belanjawan itu kemudian akan dibahaskan sebelum diluluskan.

Perdana Menteri berkata semasa persidangan Dewan Rakyat selama empat hari bermula hari ini, hanya peruntukan awal bagi perbelanjaan kerajaan untuk dua atau tiga bulan akan dibentangkan sementara menunggu persidangan khas pada Februari untuk meluluskan belanjawan itu.

"Ini (peruntukan) bukan satu belanjawan yang perlu dibahas. Ia cuma perlu dikemukakan kepada Parlimen unruk diluluskan," kata beliau.

Peruntukan yang dibentangkan pada persidangan Dewan Rakyat hari ini untuk bacaan kali pertama ialah Rang Undang-undang Perbekalan 2000 dan Rang Undang-undang Institut Teknologi MARA (Pindaan) 1999.

Empat yang lain -- Rang Undang-undang Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 1999, Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999) (No.2) 1999, Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) (No.2) 1999 dan Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 1999 -- juga akan dibentang, dibahas dan diluluskan pada persidangan kali ini.

Dr Mahathir berkata peruntukan belanjawan berkenaan perlu diluluskan segera kerana tahun 1999 akan berakhir tidak lama lagi "dan kita perlu membayar gaji kakitangan kerajaan."

"Kita perlu meluluskan peruntukan belanjawan sebelum Belanjawan 2000 diluluskan pada Februari," katanya.

Beliau juga menyatakan rasa kesalnya dengan tindakan anggota Parlimen daripada pembangkang yang sengaja menimbulkan masalah di dalam Dewan Rakyat dengan mendakwa bahawa persidangan hari ini tidak sah daripada segi Perlembagaan persekutuan.

"Ini (meluluskan peruntukan belanjawan) perkara yang amat penting untuk menguruskan negara kita ini dan saya fikir tentulah parti lawan memberikan kerjasama supaya urusan pentadbiran negara ini berjalan dengan licin.

"Kalau mereka menyekat peruntukan belanjawan ini, gaji kepada kakitangan kerajaan tidak dapat dibayar," kata beliau.

Ketika persidangan Dewan Rakyat dimulakan sebelum itu, Presiden PAS Datuk Haji Fadzil Nor (Pendang) telah mempertikaikan mengenai kesahihan persidangan itu dan meminta supaya mesyuarat ditangguhkan.

-- BERNAMA

ES NMO